

Pelajar USIM tunjuk bakat berpuisi

Oleh Rozita Jayus
bhvarsiti@bharian.com.my

GABUNGAN pelajar tempatan dan antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berentap menyampaikan puisi dalam bahasa Melayu pada program Sanggar Puisi Antarabangsa (Bahasa Melayu) Piala Tan Sri Yusof Noor baru-baru.

Sebanyak 15 penyertaan secara berkumpulan bertanding pada peringkat saringan dan enam pasukan terpilih ke pusingan akhir.

Setiap kumpulan terdiri daripada dua atau lebih ahli dengan gabungan pelajar Malaysia dan antarabangsa seperti China, Indonesia, Nigeria, Thailand dan Gambia.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, berkata program sebegini bertujuan memperkenalkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa selain

galakan dan suntikan kepada pelajar dalam memartabatkan bahasa ibunda mereka.

Pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FBBU) USIM, Ma Wei Xia yang berasal dari China berkata, dia teruja belajar bahasa Melayu terutamanya puisi klasik yang mengguanakan bahasa yang indah dan menarik.

"Saya mengambil masa kira-kira dua minggu menghafal puisi dalam bahasa Melayu. Ini pengalaman baru bagi saya, di samping mempelajari bahasa lain," katanya.

Sementara itu, pelajar dari Gambia, Abu Bacarr Saho mengakui seronok mempelajari bahasa Melayu kerana ia indah dan lembut.

Tempat pertama disandang gabungan pelajar dari Malaysia, Mohd Anas Mohd Aris dan Indonesia, Aisyah Sjahrony dengan masing-masing menerima wang tunai RM500 serta piala iringan. Tempat kedua dan ketiga masing-masing



MOHD ANAS (kiri) dan Aisyah Sjahrony dipilih memenangi program Sanggar Puisi yang berlangsung di USIM, baru-baru ini.

menerima RM350 dan RM250.

Sayembara bertemakan 'Kemanusiaan Sejagat' ini kali ketiga dianjurkan dan bertujuan memberi peluang dan ruang kepada pelajar antara-

bangsa mengenali budaya Malaysia melalui penguasaan bahasa Melayu, disamping menjadi penyambung silaturahmi antara pelajar dengan komuniti sarjana.